



Ustaz Hj Ahmad Sondhaji Mohamad

Cinta Pada Negara Dalam Pespektif Islam

Oleh Ustaz Hj Ahmad Sondhaji Mohamad

Seorang ulama dan aktivis masyarakat,
Pengarang Tafsir Al-Quran 'Abr Al-Athiir

Islam ialah sebuah agama yang mementingkan pendidikan dan ilmu. Telah terbukti hakikatnya bahawa pendidikan adalah jalan untuk membasmi kejahilan dan sekaligus dapat meningkatkan diri seseorang. Dengan ilmu, seseorang dapat diselamatkan dari keadaan yang jahil kepada keadaan yang penuh dengan tamadun dan bertaraf.

Justeru, ilmu dan tamadun adalah dua antara aspek penting yang dapat membawa kemajuan pada sebuah negara. Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja diukur dengan kemajuan dan peningkatan pada segi ekonomi dan geografi sahaja, namun warganegara yang berpendidikan adalah lambang kemajuan sesebuah negara.

Para pendidik dan guru-guru memainkan peranan penting dalam memberikan tarbiyah dan pendidikan. Pendidikan yang berjaya adalah pen-

didikan yang bukan sahaja diberikan dengan menaungkan ilmu kepada anak didikannya, akan tetapi juga mendidik kerohanian dan akhlak mereka. Generasi sekarang harus lebih diberikan perhatian pada perkara ini. Dengan adanya aset masyarakat yang berjaya dalam pendidikan seperti ini dapat meningkatkan perkembangan negara, kemajuan dan kemakmurannya.

Semua negara masing-masing bersaing untuk mencapai kemajuan. Tetapi persoalannya sekarang saingan yang bagaimanakah seharusnya negara itu lebih menumpukan perhatian. Dalam persoalan pendidikan, kemajuan itu bukan sahaja dilihat pada mereka yang berpendidikan tinggi. Namun, kemajuan sebenarnya adalah masyarakat yang mampu juga membawa keluarganya ke arah pencapaian akhlak dan budi pekerti yang tinggi. Sekiranya pendidikan peribadi, akhlak dan mental itu dapat dihasilkan, maka ianya akan membawa kepada rasa cinta terhadap negara dan tanahair. Ini disebabkan negara tidak akan dianggap maju

